



# Jalin kerjasama kenal pasti kaedah terbaik tangani cabaran ekonomi

UB 22.9.16 A2

Oleh SURAIDAH ROSLAN

**KOTA KINABALU:** Bagi mengenal pasti kaedah terbaik untuk menangani cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi dinegaraini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kerjasama bersama Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (Sedia) dan Institut Kajian Pembangunan (IDS).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata, universiti itu mengambil langkah memeterai 'Letter of Intent' (LOI) dengan Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (Sedia) dan Institut Kajian Pembangunan (IDS) bagi

membantu mengendalikan bengkel dan persidangan berkaitan dengan ekonomi.

Beliau berkata, LOI yang ditandatangani antara UMS dengan Sedia dan IDS agar ia dapat memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama antara ahli akademik dan penyelidik bersama pelaksana undang-undang melalui pelaksanaan latihan.

Katanya, bengkel dan persidangan yang diadakan akan melibatkan Fakulti Peniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS dengan pihak Sedia serta IDS.

"Kerjasama antara ahli akademik, pelaksana dan penggubal undang-undang seperti seminar ini akan membolehkan kita

menggabungkan pelbagai perspektif yang membantu mengenalpasti cara terbaik menangani cabaran dalam ekonomi," katanya ketika berucap sempena Majlis Perasmian Seminar mengenai Ekonomi Kontemporari (SCE) Pertama, di sini kelmarin.

Dalam majlis itu, UMS menandatangani dua LOI, masing-masing dengan Sedia dan IDS.

Harun kemudiannya berkata, melihat keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil, masyarakat global perlu menggunakan sumber secara optima demi manfaat generasi masa kini dan akan datang.

Seiring dengan langkah untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020,

masyarakat di negara ini perlu meningkatkan produktiviti dan aktiviti ekonomi dengan menggunakan sumber yang ada secara optima.

Menyentuh mengenai Sabah, beliau berkata, dengan adanya sumber semula jadi dalam sektor ekonomi seperti pertanian, pelancongan dan pembuatan, ia boleh digunapakai secara maksimum untuk mencapai pembangunan ekonomi yang mampan.

Beliau juga menyarankan pihak berkepentingan agar bekerjasama bagi mengenalpasti cara terbaik yang akan membantudalam pembangunan Sabah, bukan sahaja dalam pembangunan ekonomi malah dalam pembangunan sosial dan alam sekitar.

**HARUN** (dua kanan) bertukar dokumen LOI dengan Ketua Pegawai Eksekutif Sedia Datuk Dr Yakub Johari (kiri), sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IDS Datuk Mohd Hasnol Ayob (kanan).